



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 2 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	COMPANIES FLOUTING IMPORT CONDITIONS WILL HAVE PERMITS REVOKED, NATION/NEWS, NST -7 BEKALAN DARI AUSTRALIA PERLU LOGO HALAL DIIKTIRAF MALAYSIA, NASIONAL, BH -6 BATAL AP JIKA LANGGAR SYARAT IMPORT, NASIONAL, BH -6	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	'TAK ADIL HANYA SALAHKAN KAMI', LOKAL, HM -23	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6. 7.	18 TANGGUK TANGAN DIGUNA UNTUK URI ANAK KERANG DISITA, NEGERI, SH -24 TERNAKAN IKAN DIBERI MAKAN BANGKAI, NEGARA, KOSMO -15 BOT ROTO CURI BENIH KERANG PENDUDUK, DALAM NEGERI, UM -9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Companies flouting import conditions will have permits revoked

KUALA LUMPUR: The Approved Permits (APs) of companies found violating the import conditions set by the government for frozen meat and poultry brought into the country will be revoked.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said only meat produced by abattoirs recognised by the Department of Veterinary Services and Department of Islamic Development would be approved for imports to Malaysia.

"We will take action against importers found to have breached these import conditions, or those involved in smuggling (of import meat) and violating the standard operating procedures."

He said the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) would also enhance efforts to curb smuggling of frozen meat and chicken into the country.



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

"In fact, the recent raid in Johor last month was a result of intelligence and investigation done by Maqis," he said yesterday, adding it would continue to work with other enforcement agencies to address the matter, which involved smuggling through transshipment.

Ronald said that last year, the General Operations Force foiled 30 smuggling attempts involving livestock and frozen poultry.

He said the cases took place along the land and river borders of Sungai Golok and were handed to Maqis for further action.

Meanwhile, Maqis had, in 2019, found an average of 70kg of meat transported in each of the five vehicles plying the green lane at the Sultan Iskandar Building (customs, immigration and quarantine complex), he said.

On the meat cartel issue, he said sources close to the investigation recently revealed that the syndicate members involved in the smuggling activities have decided to hit the brakes following the raid of a warehouse in Senal, Johor, last month.

Isu daging import

Bekalan dari Australia perlu logo halal diiktiraf Malaysia

Syarat terbaru
kena lekatkan
pada kotak
produk sebelum
boleh diekspor

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekalan daging Australia kini perlu dilekat logo halal dikeluarkan badan pensijilan diiktiraf pihak berkuasa Malaysia, pada bahagian dalam dan luar kotak produk terabit, sebelum boleh diekspor ke negara ini.

Naib Pengerusi Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc (SICHMA), Adem Cetinay, berkata tindakan itu menjadi syarat terbaru mulai semalam, dalam usaha menambah baik prosedur produk daging halal dari Australia ke Malaysia.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia membuat perubahan penguatkuasaan syarat pelabelan membabit-

kan produk daging sejuk beku halal dari Australia bermula hari ini (semalam).

"La membabitkan syarat tambahan, termasuk melabelkan logo halal berdaftar dengan organisasi Islam yang diluluskan pihak berkuasa Malaysia pada bahagian luar dan dalam pek," katanya kepada *BH*, semalam.

SICHMA adalah satu-satunya organisasi pensijilan halal diiktiraf semua negara Islam termasuk Arab Saudi, Malaysia dan Singapura, untuk produk halal yang mahu diimport dari Australia.

Semakan *BH* dalam portal rasmi Halal Malaysia mendapati, tujuh badan pensijilan halal di Australia diiktiraf Malaysia.

Selain SICHMA, Malaysia turut mengiktiraf status halal dikeluarkan Australian Halal Authority & Advisers (AHAA); Perth Mosque Incorporated; Islamic Association of Katanning; Halal Certification Authority Australia (HCAA); Islamic Co-ordinating Council of Victoria (ICCV) dan Australian National Imams Council (ANIC).

Adem berkata demikian ketika diminta mengulas isu pengimportan daging sejuk beku ke ne-

gara ini yang dikuatiri status halal dan kualitinya.

Mengulas perkara itu, beliau berkata, pihaknya mengakui ada mendengar masalah daging tidak halal, yang ditampal logo halal selepas melalui pemeriksaan di pelabuhan, namun tidak pasti sejauh mana kebenaran dakwaan itu.

Adem mengakui, SICHMA tidak mengetahui berhubung kawalan kemasukan daging import ke Malaysia.

Namun, beliau berkata, SICHMA memberi jaminan daging im-

port dibekalkan dari negara itu dengan pensijilan halal dikeluarkan pihaknya, mematuhi piawaian ditetapkan.

"Kami sangat yakin daging (dari Australia) adalah halal sehinggalah sampai ke Malaysia. Namun, kita tidak mengetahui kawalan yang ada di Malaysia," katanya.

Beliau menyifatkan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempunyai piawaian halal paling ketat, berbanding negara lain khususnya membabitkan aspek prosedur.

Katanya, JAKIM juga satu-satunya badan yang meletakkan logo sijil halal pada label di luar kotak.

"Tidak ada badan pentauliah lain yang membuat syarat seperti ini kerana kebiasaannya logo halal generik sudah mencukupi," katanya.

Selain itu, beliau berkata, mana-mana loji penyembelihan yang ditauliahkan halal untuk penghantaran ke Malaysia wajib melalui audit menyeluruh JAKIM dan DVS.

"Selain itu, Malaysia juga satu-satunya negara yang mempunyai pegawai atase di Australia, yang akan melakukan auditnya sendiri setiap tahun," katanya.

La membabitkan syarat tambahan, termasuk melabelkan logo halal berdaftar dengan organisasi Islam yang diluluskan pihak berkuasa Malaysia pada bahagian luar dan dalam pek.

Adem Cetinay,
Naib Pengerusi SICHMA

Batal AP jika langgar syarat import

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membatalkan permit import (AP) mana-mana syarikat yang terbukti melanggar syarat pengimportan daging dan ayam sejuk beku.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Klandee, berkata prosedur operasi standard (SOP) dalam pengimportan daging dan ayam sejuk beku, yang dilaksanakan selama ini bersifat tegas.

Beliau berkata, setakat ini semua proses pengimportan daging dan ayam beku mematuhi syarat dalam aspek keselamatan makanan dan halal.

"Ini kerana pengimportan dibuat melalui rumah penyembelihan yang diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Kalau mereka melanggar syarat atau didapati terabit dalam penyeludupan dan pelanggaran SOP, kita akan mengambil tindakan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Klandee berkata, agensi di bawah kementeriannya, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pe-



Keratan akhbar BH 28 Disember lalu.

meriksaan Malaysia (MAQIS) akan mengaktifkan usaha membendung penyeludupan daging dan ayam beku ke negara ini.

Beliau berkata, MAQIS akan terus bekerjasama dengan semua agensi penguat kuasa untuk membendung aktiviti penyeludupan daging sejuk beku, terutama yang dibuat melalui peng-

hantaran kapal (transshipment).

"Malah pendedahan yang berlaku baru-baru ini adalah hasil risikan dan siasatan MAQIS termasuk serbuan kes di Johor, Pulau Lahu.

"MAQIS memang bertindak mencegah sebarang salah guna atau penyeludupan," katanya.

Pada masa sama, Klandee ber-

kata, sepanjang tahun 2020, sejumlah 30 kes membabitkan cubaan penyeludupan lembu hidup dan ayam sejuk beku berjaya ditumpaskan Pasukan Gerakan Am (PGA).

Beliau berkata, kes itu dikesan melalui sempadan darat dan sungai di kawasan Sungai Golok yang kemudiannya diserahkan kepada MAQIS bagi tindakan susulan.

"Melalui laluan hijau kenderaan penumpang di bangunan Sultan Iskandar pula, pada 2019 MAQIS menahan lima kes membabitkan kenderaan penumpang yang membawa masuk keratan daging, purata sebanyak 70 kilogram setiap kenderaan yang ditahan itu," katanya.

Sementara itu, berdasarkan sumber rapat dengan siasatan, kartel yang disyaki mendalangi penyeludupan daging haram ke negara ini, kini lebih berhati-hati sejak serbuan pihak berkuasa terhadap gudang di Senai, Johor, awal bulan lalu.

Sumber berkata, syarikat proksi kartel juga memperlahankan aktiviti sejak bulan lalu bagi memastikan taktik mereka tidak dapat dihidu pihak berkuasa.

'TAK ADIL HANYA SALAHKAN KAMI'

Pengurus ladang ternakan babi dakwa sudah patuhi saranan JPV

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri am@hmetro.com.my

Kampar:

Pengusaha ladang ternakan babi di pekan Malim Nawar di sini, mendakwa bau busuk yang masih mengganggu penduduk sekitar pekan itu berkemungkinan juga terhasil daripada tiga loji kumbahan terbuka yang terdapat di sekitar kawasan perumahan penduduk.

Pengurus ladang ternakan itu di Golden Dragon Garden di sini, yang hanya mahu dikenali sebagai Tan berkata, tidak adil untuk semata-mata menyalahkan pihaknya memandangkan saranan yang dikemukakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak sudah dipatuhi.

Apa yang JPV sarankan, kita sudah buat termasuk dalam hal pengubahsuaian. Jabatan itu juga mengakui dan menerima pengubahsuaian yang dibuat, selain menambah kuantiti bahan bagi mengurangkan bau ke dalam makanan ternakan di sini dan seumpamanya se-

berpunca daripada ladang kami, ia tidak adil. Mungkin juga bukan bau itu (babi), katanya.

Sementara itu, semakan pada senarai daftar maklumat lokasi ternakan babi yang dikeluarkan JPV Perak mendapati terdapat sekurang-kurangnya enam ladang babi di kawasan Malim Nawar daripada sekurang-kurangnya 19 ladang babi di Kampar.

Ditanya mengenai permohonan penternak babi di kawasan itu dalam persatuan penternak babi, Tan berkata, tiada persatuan seumpama itu ditubuhkan bagi penternak di kawasan berkenaan.



Jarak ladang ini dari kawasan perumahan adalah kira-kira tiga kilometer sedangkan loji kumbahan terbabit kurang satu kilometer dari kawasan yang dimaksudkan"

Tan

dari kawasan yang dimaksudkan. Saya tidak pasti dan tidak mahu menuduh punca bau berkenaan dari loji terbabit.

"Namun ia tidak adil jika hanya menyalahkan (ladang) kami yang terletak lebih jauh berbanding loji kumbahan terbuka itu dari penempatan penduduk. Maksudnya boleh jadi bukannya ada satu sumber sahaja (pencemaran bau)," katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya lagi, pihaknya juga hairan dengan aduan diterima berkenaan pencemaran bau itu yang didakwa hanya berlaku sejak kebelakangan ini walaupun ladang ternakan terbabit sudah menjangkau usia hampir 40 tahun.


Ditanya mengenai bau yang terhasil kemungkinan

berpunca akibat bawaan angin seperti yang didakwa penduduk, pengurus berkenaan berkata, jika benar seperti yang didakwa, ia adalah di luar kawalan pihaknya.

"JPV sudah lima kali meninjau ladang kami sejak aduan berhubung dengannya dilakukan. Pengubahsuaian yang dilakukan termasuk pada tapisan bahagian ekzos (ventilasi) pengudaraan tetapi seperti yang dikatakan, ia bukannya sentiasa berbau sebaliknya apabila keadaan berangin atau hujan.

"Jika penduduk masih mahu menyalahkan kami, ia juga mestilah dibuktikan daripada sudut saintifik bahawa pencemaran bau ini memang dari ladang kami.

"Jika sekadar mendakwa ada bau terus menuduh ia



LAPORAN muka depan Harian Metro, keharin.

perti yang diarahkan. "Jarak ladang ini dari kawasan perumahan adalah kurang satu kilometer

18 tangguk tangan diguna untuk curi anak kerang disita

SEKINCHAN - Pejabat Perikanan Daerah (PPD) Sabak Bernam menyita 18 tangguk tangan disyaki digunakan untuk kegiatan mencuri anak kerang di perairan Sabak Bernam.

Menerusi status dimuat naik di Facebook Jabatan Perikanan Selangor memaklumkan seramai lima kakitangan PPD Sabak Bernam menjalankan serbuan itu di Jeti Kampung Nelayan Sungai Besar di sini pada Jumaat.

Menurut kenyataan itu, serbuan pada jam 3 pagi itu merampas tangguk tangan yang masih mengandungi sisa anak kerang dianggarkan bernilai RM3,600.

“Kita mengesyaki wujud aktiviti mencuri anak kerang di perairan berkenaan,” kata kenyataan terbabit.

Bagaimanapun, kenyataan itu memberitahu, kesemua individu terlibat sempat melarikan diri ke arah laut menggunakan sampan dan membawa anak kerang yang disimpan dalam guni.



Sebahagian tangguk tangan yang digunakan bagi aktiviti mencuri anak kerang di perairan Sabak Bernam disita dalam serbuan pada Jumaat.

Penduduk dakwa air kolam yang dilepaskan mengakibatkan Sungai Gopeng keruh

Ternakan ikan diberi makan bangkai

Oleh MUHAMMAD TARMIZE MOHD. NOR

GOPENG – Penduduk di sekitar pekan Gopeng meluahkan kebimbangan apabila kolam ternakan ikan berhampiran Jalan Tasik di sini dipercayai memberi makanan berupa bangkai haiwan kepada ikan-ikan tersebut.

Mohamad Nor Abdul Aziz, 39, berkata, perkara tersebut di sedari salah seorang penduduk di kawasan tersebut pada Julai lalu apabila dia melihat beberapa objek terapung di permukaan kolam tersebut dan dimakan ikan ternakan ketika melalui jalan tersebut untuk berjumpa dengan Orang Asli.

"Menurutnya, ketika melihat kejadian tersebut, dia merasa pelik dan mengesyaki ia bukan makanan yang biasa diberikan kepada ikan ternakan dan percayanya itu adalah bangkai haiwan.

"Aduan telah dibuat kepada Jabatan Perikanan. Pada



MOHAMMAD NOR menunjukkan air Sungai Gopeng yang keruh hasil saliran dari kolam ternakan ikan di Jalan Tasik, Gopeng di sini semalam. – ZULFACHRI ZULKIFLI

awalnya tiada tindakan daripada pihak tersebut, namun selepas tiga bulan barulah pegawai Jabatan Perikanan turun padang menyiasat perkara tersebut,"

katanya ketika ditemui selepas melakukan tinjauan di sini semalam. Turut hadir membuat tin-

nakan berkenaan.

Katanya, penduduk bimbang pengusaha kolam yang telah menjalankan operasi sejak beberapa tahun itu menjual ikan ternakannya di pasaran terbuka seperti di pasar raya, pasar basah dan restoran yang melibatkan kan umat Islam.

"Pengusaha kolam ternakan turut dipercayai melepaskan air kolam ke anak sungai yang airnya mengalir melalui taman-taman berhampiran sebelum masuk ke Sungai Gopeng.

"Air anak sungai yang asalnya jernih bertukar menjadi keruh selepas melalui kawasan ternakan kolam tersebut dan penduduk sering memancing, menjala dan mandi-manda di sungai berkenaan

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Perak, Zaki Mokri ketika dihubungi maklumkan, pihaknya tidak dapat mengambil tindakan lanjut melainkan hanya menasihati pengusaha kolam berkenaan berdasarkan perumtuan undang-undang sedia ada.

"Pihak jabatan tiada kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan selagi Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) Negeri Perak belum diwartakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Bot roto curi benih kerang penduduk

SABAK BERNAM: Kegiatan mencuri benih kerang dengan menggunakan bot roto di sekitar pesisir Pantai Sungai Leman, Sekinchan di sini mengundang kebimbangan pengusaha dan penternak kerang.

Kehadiran lebih 70 bot roto itu bukan sahaja mengakibatkan kemusnahan sumber laut yang lain bahkan menjejaskan pendapatan golongan tersebut.

Seorang pengusaha kerang yang hanya mahu dikenali sebagai **Ramli**, 50, berkata, dia dan rakan-rakannya bimbang dengan kegiatan haram yang semakin berleluasa itu dan dipercayai dilakukan penduduk yang tinggal di luar dari Sekinchan.

“Berdasarkan intipan penduduk setempat, lebih 70 bot roto dikesan mengambil kerang secara haram di kawasan perairan itu pada satu-satu masa.

“Penduduk bimbang penggunaan bot roto ini boleh mengakibatkan kemusnahan habitat cengkerang dan sumber laut lain apabila enjin botnya melalui dasar tanah dan lumpur.


“Saya tidak menolak kemungkinan benih kerang yang dikutip ingin diseludup ke Thailand kerana mempunyai nilai pasaran yang tinggi. Malah, benih kerang ini akan diterima hingga mencapai saiz tertentu sebelum dijual ke negara tersebut,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Seorang lagi penternak kerang, **Rosman**, 43, berkata, benih kerang di perairan Sabak Bernam merupakan lokasi sesuai bagi pembiakan kerang kerana permukaannya yang berlumpur.

Katanya, benih kerang di kawasan ini juga berkualiti dan hidup secara semula jadi yang tentu mendapat permintaan yang tinggi.

“Disebabkan faktor ini mendorong kegiatan mencuri di kawasan berkenaan yang berleluasa sejak puluhan tahun lalu.

“Perbuatan individu tidak bertanggungjawab yang menjalankan kegiatan ini telah menjejaskan pendapatan penternak kerang yang masih menggunakan kaedah tradisional,” ujarnya.



BOT roto dikesan sedang giat melakukan aktiviti mencuri benih kerang di sekitar pesisir Pantai Sungai Leman, Sekinchan, Sabak Bernam, Selangor semalam. - UTUSAN/NOR AZIHAN MD. GHAZALI